


1100033059



LI 19 FPE 1 2003



1100033059

Laporan akhir latihan industri di Institut Latihan Perindustrian
Kuala Terengganu, Terengganu / Rozaidi Othman.

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100033059		

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTOMER

LI
19
FPE
1
2003

Laporan ini adalah suatu laporan akademik yang hanya mengandungi pandangan dan pendapat pelajar yang berasaskan kepada teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri di mata-mata **Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE)**, KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN KUALA TERENGGANU
TERENGGANU**

**Disediakan Oleh:
ROZAIDI BIN OTHMAN
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi dan Sekitaran Sosial)**

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHARA

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Sosial
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)


2003

1100033059

Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya ROZAIDI BIN OTHMAN mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan tersebut

Tandatangan



Nama: ROZAIDI BIN OTHMAN

Tarikh: 1 OKTOBER 2003

Disahkan Oleh:



**Penyelia KUSTEM
B /p Pengerusi Latihan Industri
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
KUSTEM**

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

Prakata

Syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya dapat juga saya menjalani latihan industri selama 12 minggu. Melalui latihan industri ini saya dapat mempelajari tentang selok belok alam pekerjaan yang sebenar dan memberi pengetahuan tentang pengurusan organisasi. Selain itu, latihan industri ini juga dapat memberi saya satu pengalaman dan kemahiran asas profesional pekerjaan yang berkaitan dengan program pengajian saya.

Melalui latihan ini juga dapat memberi saya pengetahuan tentang mengaplikasikan teori yang dipelajari dalam kuliah dengan realiti alam pekerjaan serta dapat menjalinkan dan mengekalkan hubungan dengan alam profesional dalam bidang saya. Melalui latihan industri juga saya dapat memahami tentang nilai etika profesional saya dalam bidang pengajian saya serta dapat menunjukkan kebolehan dalam pekerjaan dan seterusnya mendapat peluang pekerjaan apabila saya bergraduat nanti.

Di sini ingin saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Institut Latihan Perindustrian Kuala Terengganu yang telah banyak memberi tunjuk ajar tentang pekerjaan organisasi dan juga kepada mereka yang banyak memberi bantuan kepada saya, semoga dicucuri rahmatNya setiasa hendaknya.

Penghargaan

Di sini saya mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada En. Zainudin Bin Hj. Ahmad selaku pengarah Institut Latihan Perindustrian Kuala Terengganu kerana memberi kebenaran untuk saya menjalani latihan industri di organisasi ini.

Seterusnya jutaan terima kasih khas kepada Cik Nor Hayati Bt. Sa'at selaku Penyelia KUSTEM dan Pn. Norlela Bt. Mustafa Pegawai Unit Pengurusan Latihan selaku penyelia industri kerana telah memberikan segala bimbingan dan tunjuk ajar selama saya menjalani latihan industri ini dan tidak lupa juga kepada pekerja-pekerja di bahagian pengurusan iaitu Unit Kawalan Teknikal, Unit Pengurusan Latihan, Unit Pembangunan Kemahiran, Unit Sivil Dan Bangunan serta Jabatan-jabatan lain dan Bengkel-bengkel kerana sudi menghulurkan galakan, dorongan dan bimbingan di dalam sistem pengurusan.

Ucapan terima kasih juga kepada semua kakitangan ILP terutama bahagian Sistem Kawalan Teknikal kerana telah memberi kerjasama selama saya menjalani latihan industri di ILPKT. Semoga warga ILPKT sentiasa berada di bawah payung perlindungan Allah S.W.T hendaknya. Wassalam.

Ringkasan Eksekutif

Institut Latihan Perindustrian Kuala Terengganu (ILPKT) merupakan salah satu agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk membangunkan dan memajukan serta memberi latihan ketukangan industri bagi sektor perindustrian negara amnya. Institut Latihan Perindustrian Kuala Terengganu di bawah Jabatan Tenaga Manusia. ILPKT mula dibina pada Februari 1982 dengan keluasan 13.49 hektar (33.3 ekar), dalam kawasan perindustrian Gong Badak iaitu kira-kira 20 km dari Bandar Kuala Terengganu. ILPKT siap dibina pada Februari 1984 dan mula beroperasi pada Julai 1984.

Secara amnya, fungsi ILPKT adalah untuk merancang, melaksanakan dan memberi latihan industri kepada para pelajar. Selama saya menjalani latihan industri di ILPKT dapat saya mempelajari tentang aktiviti organisasi dan kemahiran dalam menguruskan sesebuah organisasi serta pendedahan kepada alam pekerjaan yang sebenar.

Daripada pengamatan yang saya buat terhadap beberapa proses kerja dapat saya mengenalpasti beberapa masalah, dengan ini juga dapat saya membuat cadangan untuk mengatasi masalah tersebut. Saya berharap pihak ILPKT dapat menerima terhadap cadangan yang telah diberi, ia sebagai melengkapkan lagi proses kerja organisasi serta lebih cekap untuk meningkatkan lagi produktiviti kerja ILPKT.

Adalah diharapkan laporan industri ini, dapat dijadikan sebagai sumber rujukan dan panduan kepada semua pihak terutamanya pihak Institut Latihan Perindustrian Kuala Terengganu dan sebagai sumbangan saya kepada pihak Institut Latihan Perindustrian Kuala Terengganu.